

Cadang jadikan Parit Raja, Panchor macam Oxford



Mohamed Khaled (tengah) bergambar kenangan bersama penduduk tempatan di Felcra Sri Wangi semasa lawatannya ke Parliment Sri Gading.

BATU PAHAT - Kerajaan Johor bercadang untuk membangunkan pekan Parit Raja, Batu Pahat dan Panchor, Pagoh menjadi Bandar Universiti sebagaimana Oxford, sebuah bandar universiti yang terkenal di United Kingdom (UK).

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, cadangan tersebut bakal menjadikan kedua-dua buah pekan tersebut tumpuan setelah memiliki beberapa institut pengajian tinggi (IPT).

"Kita akan bangunkan Parit Raja dan Panchor mengikut acuan Oxford yang kini bukan sahaja terkenal sebagai bandar univer-

siti termama dunia malah menarik ribuan pelancong melawatnya.

"Ia berikutkan kedua pekan berkenaan memiliki beberapa IPT yang menarik kemasukan ramai pelajar dan kita perlulah mengambil peluang supaya membangunkannya," katanya ketika lawatan kerjanya di kawasan Parliment Sri Gading.

Hadir sama, Ahli Parliment Sri Gading, Datuk Ab Aziz Kaprawi dan Adun Parit Raja, Puan Sri Azizah Zakaria.

Katanya, pembangunan yang dirancang itu turut menjadikan kedua-dua pekan berkenaan lengkap dengan infrastruktur yang lebih baik.

"Apabila adanya infrastruktur lebih maju selain produk pelancong-

an lebih tersusun dan kemas, ia mempunyai tarikan untuk orang luar datang," katanya.

Menurutnya, pelbagai permain perniagaan besar juga telah membuka cawangan mereka di sini, sekali gus membantu menjana pendapatan penduduk setempat.

"Untuk Parit Raja ini kita akan buat beberapa perubahan termasuklah pusat ole-ole, satu downtown dan dataran.

"Begitu juga dengan Panchor, di Pagoh kita akan membuat beberapa projek pembangunan tertentu yang bakal menaikkan nama pekan berkenaan sehingga ke pelusuk dunia," katanya.